

SOALAN NO: 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG

TARIKH: 25 MAC 2015

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) jumlah pekerja sektor industri minyak dan gas telah diberhentikan sejak berlaku krisis penurunan harga minyak dunia; dan
- (b) adakah pihak Kementerian mengesan risiko pemberhentian pekerja dalam semua sektor industri di Malaysia akibat penurunan harga minyak sejak 6 bulan lepas.

PR-1331-L66524

JAWAPAN:

1. Berdasarkan rekod data Jabatan Tenaga Kerja, bagi tempoh bulan Julai hingga Disember 2014, hanya 6 majikan di subsektor minyak dan gas dilaporkan melaksanakan tindakan pemberhentian pekerja yang melibatkan seramai 180 orang pekerja dimana 90

pekerja merupakan pemberhentian biasa dan baki 90 pekerja adalah pemberhentian secara sukarela. Manakala bagi tempoh tahun 2015 pula masih belum ada laporan tindakan pemberhentian dijalankan oleh pihak majikan dalam subsektor tersebut.

2. Sememangnya pihak Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) menyedari terdapat risiko pemberhentian pekerja akibat penurunan harga minyak sejak 6 bulan serta jangkaan akan berlaku kegawatan ekonomi. Namun begitu bilangan pemberhentian pekerja yang dilaporkan bagi keseluruhan tahun 2014 hanya melibatkan seramai 14,248 orang dan boleh dianggap sebagai kadar normal dan lebih rendah berbanding tahun 2013 yang mencatatkan pemberhentian pekerja sebanyak 16,716 pekerja dan seramai 21,375 orang pekerja pada tahun 2012.